

Headline	KLHC tamat kemarau 3 tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	84
ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>	Journalist	Naqib Nor Said
PR Value	RM 36,815		



# KLHC tamat kemarau 3 tahun

🎯 Juara bertahan tumpas dalam aksi terakhir liga

Oleh Naqib Nor Said

naqib@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**asukan KLHC menamatkan penantian selama tiga tahun untuk menjuarai Liga Perdana Hoki Malaysia TNB (MHL-TNB) selepas menumbangkan juara bertahan, Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-2 dalam aksi terakhir liga, malam tadi.

Stadium Hoki Pantai di sini, menjadi saksi kejayaan kesembilan liga diraih oleh kelab berkenaan sejak membuat penampilan pertama pada 2006 yang ketika itu dikenali sebagai Ernst & Young.

Penyerang import dari Jerman, Anton Poul Fritz Ebeling

muncul wira pasukannya apabila jaringan minit akhir memastikan pasukannya itu mengutip mata penuh. Dia bijak membaca pukulan sudut penalti yang diambil Razie Rahim untuk gol kemenangan.

Tiga mata berharga itu sekaligus membantu mereka menamatkan saingan liga di kedudukan teratas dengan himpunan 36 mata, mengatasi THT dengan kelebihan tiga mata.

Penguasaan KLHC yang cuba merampas semula trofi begitu terserlah tatkala berdepan jaguh Pantai Timur itu yang pincang akibat masalah kecederaan hamstring penyerang sensasinya, Faizal Saari yang

diturunkan walaupun tidak cergas sepenuhnya.

## Misi wajib menang

Jurulatih KLHC, Harun Al Rashid Samri berkata kemenangan itu cukup manis selepas terlepas peluang terbaik memenangi tiga piala - Liga Perdana, Piala Tan Sri P Alagendra dan Piala TNB - pada musim lalu.

KLHC nyata berbahaya apabila mendahului seawal minit ketujuh menerusi jaringan padang bekas pelatih skuad kebangsaan, Dedy Ariyadi Jumaidi.

Bagaimanapun, THT hanya memerlukan dua minit untuk kembali menyamakan kedudukan menerusi pakar pukulan

sudut penalti dari Korea Selatan Jang Jonghyun untuk gol peribadi ke-23 pada musim ini sebelum jaringan pendahuluan KLHC oleh Nabil Fiqri Mohd Noor hadir pada minit ke-43.

Nabil Fiqri bagaimanapun kembali meletakkan juara lapangan kali itu kembali di ambang kemenangan dengan gol padang ketiga berbaki dua minit sebelum Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Ab Jalil meledak gol penyamaan pada minit ke-51.

Tetapi Ebeling melenyapkan impian THT untuk mengekalkan kejuaraan buat kali keempat berturut-turut dengan jaringan kemenangannya sebelum wisel penamat dibunyikan.



**Pemain KLHC meraikan gol Anton Paul Fritz Ebeling (tengah) selepas menewaskan THT untuk menjuarai Liga Perdana Hoki Malaysia TNB di Stadium Hoki Pantai, malam tadi.**